



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

### **YB MENTERI BELIA DAN SUKAN TINJAU FASILITI ISN**

---

YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan hari ini telah mengadakan sesi lawatan kerja pertama beliau ke Institut Sukan Negara (ISN) di Kuala Lumpur sejak dilantik sebagai jawatan sebagai Menteri Belia dan Sukan.

Lawatan kerja berkenaan diadakan bagi meninjau fasiliti dan operasi yang dilaksanakan oleh ISN selaku agensi yang menyediakan perkhidmatan saintifik, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan dalam sains sukan dan perubatan sukan kepada atlet negara.

Pada sesi lawatan berkenaan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal berpuas hati setelah meninjau operasi yang dijalankan oleh ISN mengikut spesifikasi bertaraf antarabangsa dalam usaha memulihkan serta meningkatkan prestasi atlet negara.

Beliau berkata, atlet negara harus memanfaatkan kemudahan yang disediakan bagi memastikan kecederaan dapat dipulihkan selain meningkatkan kecergasan mereka dalam masa yang singkat.

Selain diberikan taklimat, YB Dato' Seri Ahmad Faizal turut dibawa meninjau fasiliti yang terdapat di ISN iaitu Fasiliti Perubatan Sukan, Fisioterapi, *Ice Lab*, *Human Movement Lab*, Rehabilitasi, *Jungle Gym* dan *Environmental & Altitude Chamber*.

Turut bersama pada sesi lawatan berkenaan YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Puan Ramona binti Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Encik Abdulah bin Hasan (Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KBS serta Encik Ahmad Faedzal Md Ramli Ketua Pegawai Eksekutif, ISN.

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**  
**14 Oktober 2021**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:  
Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan  
|Tel:03-88713405/3436